

November 7, 2023

FPHP BULLETIN

HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

"Together, We Make it Great!"

FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan



2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, PENANG
Tel:04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL.2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

FPHB BULLETIN HOT&TOUR NEWSLETTER

VOL. 2 2023 NOVEMBER ISSUE

Canteen Day by HADRAH 2023

Oleh: Suria Sulaiman (Dr.), Zarifah Mohd Zain, & Norliana Hashim

"Berkongsi Rezeki Tanda Kesyukuran"

Program HADRAH merupakan program khidmat masyarakat tahunan anjuran Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seperti maksud HADRAH - Hadiah Ramadhan dan tagline 'Untukmu KeranaNya', program ini diadakan bertujuan untuk berkongsi nikmat dan rezeki bersama masyarakat setempat agar mereka boleh merasai nikmat kemuliaan bulan Ramadhan Al-Mubarak. Untuk kali kedua, pihak FPHP berkolaborasi bersama MASMED UiTMCPP melalui program Canteen Day by HADRAH 2023 bagi tujuan pengumpulan dana, serta memeriahkan aktiviti keusahawanan oleh mahasiswa FPHP. Program ini dijalankan selama empat hari iaitu pada 21 - 22 Mac 2023 dan 30 - 31 Mac 2023, bermula dari jam 11 pagi hingga 3 petang bertempat di bangunan K Shoppe UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Events Highlights



Seperti tahun sebelumnya, program ini telah mendapat sambutan yang hangat daripada warga UiTMCPP memandangkan ia menyediakan variasi juadah kepada pelanggan dengan konsep membeli sambil beramal. Secara tidak langsung, program ini bukan sahaja mampu melatih sifat keusahawanan dalam diri warga FPHP, malah melatih mereka untuk membudayakan amalan sedekah dan berkhidmat kepada masyarakat setempat. Para mahasiswa juga dapat mengasah bakat dalam bidang keusahawanan di mana mereka dapat mempelajari strategi pemasaran dan komunikasi dua hala bersama pelanggan. Seratus peratus hasil jualan sepanjang empat hari berjumlah RM3820.00 disumbang kepada Tabung HADRAH 6.0 dan seterusnya disalurkan kepada pengurusan Masjid Seberang Jaya.

Program kolaborasi ini melibatkan warga UiTM Cawangan Pulau Pinang. Konsep Hari Kantin ketika zaman persekolahan diterapkan dimana warga FPHP berpeluang untuk membuat sumbangan dalam bentuk pelbagai jenis makanan secara pek untuk dijual pada hari tersebut. Kecil atau besar sumbangan, itu bukanlah ukuran. Tiada had dikenakan kepada jenis sumbangan makanan dan bilangan pek yang dijual memandangkan ini adalah projek kepada komuniti yang berkonsepkan keusahawanan sosial. Antara juadah yang dijual ialah sushi, aneka pasta, kimchi, sandwich, aneka buah potong, aneka pilihan nasi, laksa Johor, laksa Sarawak dan juga variasi pemanis mulut. Mahasiswa FPHP dari program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan turut menyumbang tenaga dengan menjadi sukarelawan dalam membantu memasarkan juadah di tapak jualan.

jualan juadah makanan pagi dan tengahari untuk jualan juadah makans ini adalah projek kepada komuniti yang berkonsepkan keusahawanan sosial. Antara juadah yang dijual ialah sushi, aneka pasta, kimchi, sandwich, aneka buah potong, aneka pilihan nasi, laksa Johor, laksa Sarawak dan juga variasi pemanis mulut. Mahasiswa FPHP dari program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan turut menyumbang tenaga dengan menjadi sukarelawan dalam membantu memasarkan juadah di tapak jualan.



Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penangutm

Read More On

ISSN 2231-7422